

**TAHAP KEMAHIRAN GURU BERDASARKAN *INTEGRATED HOLISTIC EDUCATION SYSTEM* (IHES) DAN HUBUNGANNYA DENGAN TARAF PENDIDIKAN GURU DI SELANGOR**  
(Teacher's Skills based on Integrated Holistic Education System (IHES) and Its Relation to Teacher's Education Level in Selangor)

\*Sapie Sabilan<sup>1</sup>, Mohd Isa Hamzah<sup>1</sup>, Ab Halim Tamuri<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: p90358@siswa.ukm.edu.my

**Article History:**

Submit: 24 June 2020

Accepted: 25 June 2020

Revised: 15 September 2020

Published: 28 December 2020

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 4, No. 2 (2020), 24-34*

**Abstrak**

Artikel ini cuba mengupas tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS melalui latihan guru yang diikuti berdasarkan Integrated Holistic Education System (IHES) dan hubungannya dengan tahap pendidikan guru di Selangor. Kupasan tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS ini berdasarkan kajian yang dilaksanakan berkaitan penilaian guru-guru SRA JAIS terhadap program latihan guru di bawah IHES. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif dengan menggunakan boring soal selidik sebagai instrumen kajian berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick (2000) bagi menghuraikan aspek kemahiran guru. Sampel kajian adalah terdiri daripada 535 orang guru SRA JAIS yang merangkumi sembilan daerah di Selangor. Hasil dapatan kajian dianalisa menggunakan SPSS dan hasil dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan nilai min adalah sederhana tinggi bagi keseluruhan aspek kemahiran guru. Melalui ujian ANOVA sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru SRA JAIS yang mempunyai taraf pendidikan peringkat sijil/diploma dan sarjana muda dan ke atas dengan guru-guru peringkat STPM/STAM/Rabi' Thanawi dan ke bawah dari aspek kemahiran mengajar. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi satu indikator penambahbaikan ke atas sistem latihan guru yang diberikan kepada guru-guru SRA JAIS khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran melalui IHES.

**Kata kunci:** Kemahiran Guru, Pendidikan Islam, IHES

**Abstract**

*This article examines SRA JAIS teachers' skills through teachers' training based on Integrated Holistic Education System (IHES) and its relation to teachers' education background and the district in Selangor. This analysis on JAIS SRA teachers' skill level is based on research related to JAIS SRA teachers' evaluation on teachers' training program under IHES. Quantitative research design was used using a set of questionnaire as the instrument adapted from Kirkpatrick Evaluation Model (2000) to explore teachers' skill aspect. The selected samples for this research were 535 JAIS SRA teachers from nine districts in Selangor. The findings were analysed using SPSS and the descriptive outcome showed a moderately high mean value for the whole aspects of teachers' skills. While the one tailed ANOVA test showed a significant difference on JAIS SRA teachers education background between certificate/ diploma/ degree level and STPM/STAM/Rabi' Thanawi/ or below in the aspect of teaching skills. The findings from this research is hoped to be as indicators in improving and upgrading teachers' training system particularly related to teaching implementation through IHES.*

**Keywords:** teachers' skills, Islamic education, IHES

## 1.0 PENGENALAN

Bidang perguruan merupakan suatu bidang profesional yang diwujudkan untuk membangunkan elemen bangsa dan negara ke arah masyarakat yang bersatu padu yang merangkumi aspek sosial, kebudayaan, politik dan ekonomi. Pencapaian tahap kemajuan ini mempunyai tujuan akhir iaitu melahirkan komuniti masyarakat yang harmoni, berdisiplin, bertanggungjawab dan terlatih (Karwadi, 2009; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019). Penglibatan guru dalam sistem pendidikan adalah sebagai asas dan pelaksana dasar-dasar kerajaan berpandukan kurikulum dan pekeliling-pekeliling yang telah dikeluarkan (Bahagian Pendidikan Guru, 2009). Seorang guru yang profesional hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif tentang sesuatu bahan yang digunakan dan mewujudkan persekitaran bilik darjah yang kondusif (Johar Bunimin, 2016). Seorang guru juga hendaklah membina hubungan yang akrab dalam kalangan warga, merancang masa hadapan dengan mengemukakan idea-idea baharu dan sentiasa mengambil peluang dengan penuh tanggungjawab dan amanah (Darling-Hammond, Flook, Cook-Harvey, Barron, & Osher, 2020; Williams, 2017). Guru yang baik sentiasa memupuk pengetahuan dan kemahiran murid melalui usaha yang berterusan (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Salah satu usaha yang boleh diusahakan ialah guru hendaklah memahami proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan lebih mendalam lagi. Usaha ini memberi harapan yang lebih baik kepada profesion perguruan melalui pendidikan yang terancang (Bani Hidayat Mohd Shafie & Norhayati Fatmi Talib, 2018).

Guru yang berkemahiran dalam pengurusan bilik darjah, bidang komunikasi dan teknik pengajaran yang sesuai akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif (Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010; Alamgir Khan, Salahuddin Khan, Syed Zia Ul Islam, & Manzoor Khan, 2017). Usaha meningkatkan kemahiran guru dilakukan melalui amalan terbaik yang dikongsi oleh guru-guru, pendidikan secara berterusan dan pengalaman bilik darjah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Walaupun seorang guru itu mahir dalam bidang subjek tertentu, kemahiran berkomunikasi adalah pelengkap kepada semua kemahiran yang guru miliki (Alamgir Khan et al., 2017). Oleh itu, pembangunan profesional dalam bidang kemahiran mengajar adalah perlu bagi mana-mana guru yang ingin mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif (Lokman Mohd Tahir & Kalsom Saleh, 2011). Cabaran pembangunan profesional guru adalah untuk berfikir 'di luar kotak.' Pendidikan sentiasa berkembang dan guru yang komited kepada seni mengajar akan mencari pengalaman pengajaran yang lebih untuk diberikan kepada murid-murid yang ingin belajar (Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, & Mohd Faez Ilias, 2012).

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Seorang guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan sudah tentu telah melalui proses latihan yang banyak sepanjang kerjayanya sebagai seorang guru. Keberhasilan dalam pengajaran yang berkesan menjadi suatu indikator guru telah mencapai tahap kualiti kerjaya yang baik (Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim & Mohd Faez Ilias, 2012). Sikap guru yang sering mengikuti latihan sepanjang perkhidmatan mampu membantu guru meningkatkan kemahiran dalam pengajaran (Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman, 2017; Ros Eliana Ahmad Zuki Norhanan M. Fadzillah, 2017). Pendedahan guru tentang cara pelaksanaan aktiviti PdPc dalam kelas melalui latihan yang diikuti secara teorinya memberi input baharu tentang proses PdPc terkini. Guru-guru akan didedahkan dengan maklumat-maklumat terkini oleh guru-guru yang pakar dan boleh berkongsi pengalaman dengan 'model' hidup tersebut (Courtney Belsito, 2016; David Greatbatch Jane Holland, 2016). Namun pada hakikatnya, kualiti guru dan pengajarannya adalah terhasil daripada latihan yang mereka lalui dan adanya penglibatan pihak lain (Chia Lai Lai & Abdul Rahim Hamdan, 2013).

Latihan kepada guru-guru merupakan usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru di Sekolah Rendah Agama (SRA) Selangor. Latihan tersebut hendaklah menggunakan pendekatan praktikal secara menyeluruh termasuklah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), pembinaan bahan pengajaran dan kemahiran PdPc. Komponen-komponen asas di dalam latihan guru ialah menambahbaik personaliti guru, pengetahuan pedagogi kandungan, ilmu pengetahuan guru, kepelbagaian kemahiran guru dan motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran (Ab. Halim Tamuri et al., 2012; Affezah Ali et al., 2017; Mohd Isa Hamzah, Nursafra Mohd Zhaffar & Khadijah Abdul Razak, 2018). Berpandukan Pelan Strategik JAIS 2015-2019 mensasarkan untuk membentuk guru *murabbi* dan memberi latihan berterusan jangka pendek dan panjang. Melalui latihan guru tersebut, guru-guru telah mempelajari secara teori dan amali tentang strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran menggunakan IHES. Penyediaan kursus dan latihan ini adalah

selari dengan objektif Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAIS iaitu memperkasakan kurikulum Pendidikan Islam mengikut IHES untuk melahirkan insan bertaqwa (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2013)

Status perjawatan guru-guru di SRA dan SRAI terdiri daripada guru tetap, guru kontrak dan guru sambilan (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2019b). Jumlah guru-guru SRA JAIS yang sedang berkhidmat adalah seramai 5489 orang dengan populasi murid seramai 40,558 orang yang meliputi sembilan daerah di Selangor. Jumlah tersebut bertambah setiap tahun kerana pertambahan jumlah murid dan sekolah disebabkan pertambahan jumlah petempatan baharu dan permintaan masyarakat yang kian meningkat (Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri, & Azreen Effendy Mohamad, 2015; Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2019a). Dengan pertambahan bilangan sekolah dan murid menjadi suatu keperluan JAIS untuk menambah jumlah bilangan guru sedia ada di JAIS dan memberi latihan yang sewajarnya. Justeru itu, bentuk latihan guru yang akan dilaksanakan juga perlulah sesuai dengan tahap dan status seorang guru (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015; Mohd Kamal Radiman, 2012). Oleh itu, kajian ini akan mengupas tahap kemahiran guru dari aspek pengajaran berdasarkan IHES berdasarkan taraf pendidikan guru melalui program latihan guru tersebut.

### 3.0 KEMAHIRAN PENGAJARAN

Matlamat utama dalam aktiviti pengajaran adalah untuk memudahkan dan menyokong pembelajaran murid. Hal ini dapat dicapai sekiranya guru dapat menunjukkan kemahiran mengajar yang berkesan sewaktu sesi PdPc berlangsung (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Sebagai seorang guru, kemahiran mengajar dan kelayakan sebagai guru adalah satu keperluan dan amat penting walaupun ianya dilihat berasingan (Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin Othman, 2009). Kelayakan sebagai seorang guru mestilah telah mengikuti latihan-latihan tertentu dan keperluan kelayakan tersebut hendaklah dipenuhi (Maphoso & Mahlo, 2015; Siti Nur Aisya Sugumarie Abdullah & Ahmad Zabidi Abdul Razak, 2016).

Kemahiran guru dalam pengajaran sangat berkait rapat dengan ilmu pedagogi yang dikuasai oleh seseorang guru. Oleh itu, penilaian kelayakan guru dibuat berdasarkan latihan-latihan yang telah diterima sama ada secara berkala atau jangka masa panjang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kemahiran mengajar boleh ditakrifkan sebagai satu set tingkah laku guru yang berkaitan dengan pengajaran suatu matapelajaran yang membawa kesan terhadap perubahan tingkah laku guru atau murid dalam melaksanakan amalan kemahiran tertentu (Ishak Baba, 2009). Kemahiran mengajar adalah kebolehan guru untuk menerangkan konsep yang berkaitan dengan bahan pembelajaran (Sugihartini, Sindu, Dewi, Zakariah, & Sudira, 2020). Kemahiran mengajar merujuk kepada seni guru yang menjadikan komunikasi antara guru dan murid secara berkesan (Alamgir Khan et al., 2017).

Kemahiran mengajar ialah tingkah laku guru yang memudahkan pembelajaran murid secara langsung atau tidak langsung dan ianya merangkumi semua seni dan tingkah laku guru yang memaksimumkan pembelajaran murid (Rani, 2011). Kemahiran mengajar adalah berkaitan dengan kualiti guru khususnya dari aspek pengurusan tingkah laku guru, format PdPc guru, sensitiviti guru, latihan dan pembangunan kerjaya, pengetahuan pedagogikal kandungan, penyertaan murid dalam sesi PdPc dan cabaran-cabaran menjadi seorang guru (Bjorklund-Young, 2017) Menurut Bluestone et al. (2012) kemahiran mengajar berkaitan cara guru menulis objektif pembelajaran, merancang pengajaran berdasarkan objektif, aktiviti pembelajaran dan kaedah penilaian yang sesuai berdasarkan objektif pembelajaran, menyampaikan maklumat secara berkesan, mengurus dan memudahcara aktiviti kumpulan, membimbing murid membuat keputusan, menilai pembelajaran dan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Kemahiran mengajar guru biasanya dikaitkan dengan aspek pedagogi pengajaran yang baik. Pedagogi pengajaran guru yang baik menjurus kepada keupayaan seseorang untuk mengajar yang merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan subjek-subjek tertentu. Prinsip pelaksanaan kemahiran asas pengajaran hendaklah ianya i) relevan, ii) kreatif dan inovatif, iii) mempunyai ketepatan, iv) boleh digunakan, v) menjana kemahiran dan motivasi, dan vi) menyeronokkan. Justeru itu kemahiran mengajar boleh diperincikan lagi mestilah seorang guru itu menguasai kemahiran i) menyoal, ii) peneguhan, iii) variasi rangsangan, iv) penerangan, v) set induksi dan penutup, vi) perbincangan dan pemudahcaraan vii) penggunaan bahan bantu belajar dan vii) pengurusan grafik (Sugihartini et al., 2020).

Kesimpulannya, kemahiran guru dalam pengajaran adalah merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh guru secara professional untuk menyampaikan suatu maklumat kepada muridnya yang memerlukan perancangan yang rapi, ilmu pengetahuan yang mantap, kemahiran yang pelbagai, penggunaan bahan bantu

belajar yang berkesan, pemilihan strategi dan kaedah pengajaran yang betul, penilaian hasil pembelajaran dan motivasi murid.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan berpandukan instrumen soal selidik sebagai alat kajian untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Penggunaan soal selidik bagi tujuan mengumpul data adalah termudah dan berkesan serta mampu memperoleh banyak maklumat dalam satu-satu masa daripada sampel kajian keseluruhannya (Loeb et al., 2017; Mohd Hamzah & Sirat, 2018) Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 untuk menganalisis data kuantitatif yang telah diperolehi secara deskriptif dan inferensi.

Populasi dan sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru SRA JAIS yang terdiri daripada guru tetap, kontrak, KAFA dan sambilan yang mengajar di sembilan daerah di Selangor iaitu daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Hulu Selangor dan Petaling. Guru-guru yang terlibat sebagai sampel kajian adalah seramai 535 orang berdasarkan penentuan saiz sampel yang dikemukakan Krejcie dan Morgan (1970) daripada jumlah populasi guru keseluruhannya seramai 5489 orang.

Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dalam kajian ini yang tertumpu kepada persoalan kajian iaitu mengenal pasti tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS setelah mengikuti program latihan guru berasaskan IHES. Borang soal selidik dibina dan digunakan sebagai instrumen pengumpulan data utama bagi menjawab permasalahan kajian. Instrumen kajian ini dibahagikan kepada lapan bahagian utama antaranya bahagian A berkaitan demografi responden dan bahagian F merujuk kepada penilaian pembelajaran yang mengandungi item pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Item kemahiran mengajar guru mengandungi 13 item keseluruhannya yang menggunakan Skala Likert lima peringkat bagi menjawab item soal selidik tersebut.

Nilaian Skala Likert yang dipilih ialah skala 1 mewakili nilai sangat tidak setuju (0 – 19%), skala 2 mewakili nilai tidak setuju (20 – 39%), skala 3 mewakili nilai sederhana setuju (40 – 59%), skala 4 mewakili nilai setuju (60 – 79%) dan skala 5 mewakili nilai sangat sangat setuju (80 – 100%) (Mohd Azmi Mat Yusoff, 2016). Instrumen kajian ini telah dibina sendiri oleh pengkaji melalui kajian literatur yang telah dibuat dengan mendapat kesahan dan kebolehpercayaan melalui ujian Cronbach Alpha, kesahan muka dan kandungan melalui Indeks Kesahan Kandungan Setiap Item (I-CVI) dan kesahan konstruk melalui *Exploratory Factor Analysis* (EFA) (Gay, Mills, & Airasian, 2012; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Ramlan Mustapha, 2017)

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dalam bahagian ini akan memaparkan data yang berkaitan profil responden kajian, tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS setelah menghadiri program IHES dan perbezaan tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS berdasarkan taraf pendidikan guru.

##### 5.1 Profil Responden Kajian

Berdasarkan jadual 5.1 memaparkan taburan data taraf pendidikan guru-guru SRA JAIS dan jumlah sampel guru yang berada dalam negeri Selangor. Taraf pendidikan responden kajian adalah berbeza-beza iaitu 52 orang (9.7%) guru mempunyai kelulusan STPM/STAM/Rabi' Thanawi dan 104 orang (19.4%) guru berkelulusan peringkat SPM. Jumlah responden yang dominan adalah daripada taraf pendidikan peringkat sijil/diploma iaitu seramai 249 orang (46.5%) dan diikuti oleh responden yang mempunyai sarjana muda dan ke atas iaitu seramai 130 (24.3%).

Jadual 5.1: Profil responden kajian

Latar Belakang	Responden	Frekuensi	Peratusan (%)
Taraf pendidikan	SPM	104	19.4
	STPM/STAM/Rabi' Thanawi	52	9.7
	Sijil/Diploma	249	46.5
	Sarjana Muda dan ke atas	130	24.3
<b>Jumlah</b>		<b>535</b>	<b>100</b>

## 5.2 Tahap Kemahiran Guru-Guru SRA JAIS

Berdasarkan jadual 5.2 menunjukkan tahap kemahiran mengajar guru setelah mengikuti program latihan guru berasaskan IHES berada pada tahap skor min yang tinggi dan sederhana tinggi iaitu di antara 3.33 hingga 4.45. Antara dapatan yang tinggi menunjukkan guru-guru berkemahiran memulakan sesi PdPc dengan set induksi (min = 4.45 ; SP = 0.634). Selain itu, guru-guru mengakui bahawa kemahiran pengajaran melalui IHES mestilah mencakupi domain kognitif (min = 4.26 ; SP = 0.637), afektif (min = 4.28 ; SP = 0.630) dan psikomotor (min = 4.25 ; SP = 0.668). Guru mengakui tugasnya adalah sebagai pembimbing dalam pembelajaran (min = 4.25 ; SP = 0.756) dan ketika pengajaran guru-guru menggunakan bahan-bahan pengajaran (min = 4.13 ; SP = 0.716).

Namun demikian, terdapat beberapa item yang menunjukkan kemahiran guru berada pada tahap sederhana tinggi antaranya ialah tentang kemahiran penulisan objektif pengajaran dan pembelajaran dalam rancangan pengajaran harian (RPH) merangkumi objektif IHES (min = 3.33 ; SP = 1.254), kemahiran menggunakan soalan aras tinggi untuk melatih murid berfikir. (min = 3.40; SP = 0.999), kemampuan guru menggabungkan beberapa kaedah dalam satu set pembelajaran (min = 3.59; SP = 1.021), keupayaan guru membina bahan pembelajaran mengikut kesesuaian isi pelajaran dan kaedah yang dipilih (min = 3.69; SP = 1.085) dan kemahiran guru menulis refleksi pengajaran dan pembelajaran di akhir sesi PdPc (min = 3.91; SP = 1.098). Secara keseluruhannya menunjukkan tahap pembelajaran guru-guru SRA JAIS tentang kemahiran yang diperolehi setelah program latihan guru adalah memuaskan berdasarkan skor min yang diperolehi (min = 3.92; SP = 0.898).

Jadual 5.2: Tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS setelah mengikuti program latihan guru

Bil	Kemahiran	Min	Sp.	Int.
01	Penulisan objektif pengajaran dan pembelajaran dalam RPH merangkumi objektif IHES (I&H).	3.33	1.254	ST
02	Saya dapat membahagikan kandungan huraian sukatan pelajaran kepada dua penggal pembelajaran.	3.65	1.067	ST
03	Saya memulakan sesi PdPc dengan puji-pujian kepada Allah S.W.T.	4.45	0.634	T
04	Saya menyemak setiap hasil pembelajaran mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi.	3.84	1.112	ST
05	Penilaian pembelajaran IHES kepada murid mencakupi domain kognitif.	4.26	0.637	T
06	Penilaian pembelajaran IHES kepada murid mencakupi domain afektif.	4.28	0.630	T
07	Penilaian pembelajaran IHES kepada murid mencakupi domain psikomotor.	4.25	0.668	T
08	Saya mampu menggabungkan beberapa kaedah dalam satu set pembelajaran.	3.59	1.021	ST
09	Saya bertindak sebagai pembimbing kepada murid-murid saya.	4.25	0.756	T
10	Saya mampu membina bahan pembelajaran mengikut kesesuaian isi pelajaran dan kaedah yang dipilih.	3.69	1.085	ST
11	Saya mengutamakan bahan-bahan pengajaran yang berguna dalam sesi PdPc.	4.13	0.716	T
12	Saya menggunakan soalan aras tinggi untuk melatih murid berfikir.	3.40	0.999	ST
13	Saya menulis refleksi pengajaran dan pembelajaran di akhir sesi PdPc.	3.91	1.098	ST
		<b>3.92</b>	<b>0.898</b>	<b>ST</b>

## 5.3 Perbezaan Tahap Kemahiran Guru-Guru SRA JAIS Berdasarkan Taraf Pendidikan Guru dan Daerah

Berdasarkan jadual 5.3 melalui keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa kemahiran mengajar guru antara keempat-empat taraf pendidikan adalah signifikan secara keseluruhannya [ $F(3,531)=5.095, p<0.05$ ]. Maka pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan dalam kemahiran mengajar antara keempat-empat taraf pendidikan yang dikaji dalam kalangan guru-guru SRA JAIS. Justeru, ujian perbandingan pasangan (*Pairwise Comparisons*) dilakukan bagi mengesan kumpulan-kumpulan yang menyebabkan perbezaan tersebut.

Jadual 5.3: ANOVA sehala kemahiran mengajar guru berdasarkan taraf pendidikan

Taraf Pendidikan	df	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	3	5.095	0.002
Dalam kumpulan	531		
Jumlah	534		

Berdasarkan Jadual 5.4, keputusan perbandingan pasangan (*Pairwise Comparisons*) dengan menggunakan kaedah Bonferroni menunjukkan bahawa nilai min kemahiran mengajar bagi pasangan taraf pendidikan sijil/diploma dan taraf pendidikan STPM/STAM/Rabi' Thanawi (perbezaan min = 0.279,  $p < 0.05$ ) adalah signifikan. Kemudian bagi pasangan sarjana muda dan ke atas dan STPM/STAM/Rabi' Thanawi (perbezaan min = 0.304,  $p < 0.05$ ) adalah signifikan. Ini bererti perbezaan keseluruhan adalah disebabkan oleh perbezaan antara tiga peringkat taraf pendidikan ini. Berpandukan nilai min kumpulan taraf pendidikan sijil/diploma (min = 3.96) dan kumpulan sarjana muda dan ke atas (min = 3.99) menunjukkan kemahiran mengajar dua kumpulan tersebut adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan taraf pendidikan STPM/STAM/Rabi' Thanawi (min = 3.69).

Jadual 5.4: Ujian Perbandingan Pasangan (*Pairwise Comparison*) kemahiran mengajar guru berdasarkan taraf pendidikan

Taraf Pendidikan (I)	Taraf Pendidikan (J)	Perbezaan Min (I-J)	Signifikan
SPM	STPM/STAM/Rabi' Thanawi	0.180	0.268
	Sijil/Diploma	-0.098	0.673
	Sarjana Muda dan ke atas	-0.123	0.458
STPM/STAM/Rabi' Thanawi	SPM	-0.180	0.268
	Sijil/Diploma	-0.279	0.004
	Sarjana Muda dan ke atas	-0.304	0.003
Sijil/Diploma	SPM	0.098	0.673
	STPM/STAM/Rabi' Thanawi	0.279	0.004
	Sarjana Muda dan ke atas	-0.025	1.000
Sarjana Muda dan ke atas	SPM	0.123	0.458
	STPM/STAM/Rabi' Thanawi	0.304	0.003
	Sijil/Diploma	0.025	1.000

## 6.0 PERBINCANGAN TAHAP KEMAHIRAN MENGAJAR GURU-GURU SRA JAIS

Tahap kemahiran mengajar guru-guru SRA JAIS yang mengajar di sembilan daerah dalam negeri Selangor secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian menunjukkan elemen kemahiran guru melakukan set induksi sewaktu pengajaran, penilaian pengajaran yang mencakupi domain kognitif, afektif dan psikomotor, membimbing murid ketika pengajaran dan menggunakan bahan-bahan pengajaran sewaktu pengajaran berlangsung mendapat skor min yang tinggi. Hal ini bermakna guru-guru SRA JAIS secara umumnya biasa memulakan pengajaran dengan ucapan *basmalah* sebagai set induksi pengajaran. Maklumat ini selari dengan pandangan Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2010) yang menjelaskan sekurang-kurangnya set induksi perlu mengandungi *basmalah* dan puji-pujian kepada Allah S.W.T.

Guru-guru SRA JAIS juga telah melakukan penilaian yang mencakupi domain kognitif, afektif dan psikomotor ketika mengajar berpandukan sistem IHES. Penilaian kepada domain tersebut terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia. Dalam Falsafah Pendidikan Islam JAIS juga telah menjelaskan bahawa sistem pendidikan Islam JAIS adalah berbentuk integrasi yang menyepadukan antara ilmu naqli dan aqli untuk membangunkan elemen jasmani, emosi, rohani dan intelak (JERI). Suatu pendidikan tidak akan berjaya sekiranya penilaian di dalam aspek kognitif semata-mata. Ianya perlu digabungkan dengan penilaian amalan dari aspek afektif dan psikomotor (Mohammad Amir Danuri, 2017).

Guru-guru SRA JAIS didapati boleh membimbing murid-murid ketika sesi pengajaran berlangsung. Kalimah *mursyid* adalah merujuk kepada seorang guru yang membimbing, memberi petunjuk, menjaga, memberi nasihat dan memimpin ke jalan yang benar (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2010). Peranan guru sebagai pembimbing juga dimasukkan dalam proses pendidikan IHES yang mengkategorikan guru sebagai *muwajjih* yang merujuk kepada peranan guru sebagai penasihat atau pembimbing kepada murid-muridnya (Hasni Mohamed, 2019). Sebagai pembimbing, peranan guru di sekolah lebih dipentingkan kerana guru dapat membimbing murid-murid menjadi manusia yang baik, bersopan santun dan berketrampilan. Tanpa bimbingan guru, murid-murid akan menghadapi kesusahan berkaitan perkembangan dirinya khususnya apabila murid-muridnya sudah semakin dewasa yang memerlukan kurangnya kebergantungan kepada gurunya. Antara ciri-ciri guru yang *muwajjih* ialah mempunyai sahsiah yang baik, menutur dan menasihati murid dengan kata-kata yang sopan, sabar dan menampilkan kepimpinan yang ber hikmah (Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi, 2016; Nuri Ramadhan, 2017).

Guru-guru SRA JAIS telah menggunakan bahan-bahan pengajaran yang berguna ketika sesi pengajaran berlangsung. Tujuan penggunaannya adalah untuk memudahkan penyampaian maklumat

kepada murid-murid dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor murid. Bahan-bahan pengajaran biasanya terdiri daripada bahan elektronik, bukan elektronik dan *maujud* (Suppiah Nachiappan et al., 2017). Menurut pandangan Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi (2014) terdapat lapan jenis bahan bantu mengajar (BBM) yang biasa digunakan oleh guru iaitu laptop dan LCD, buku teks, kertas modul, kertas mahjong, bahan maujud, buku rujukan, modul Power Point dan tayangan video. Penggunaan bahan-bahan pengajaran mampu membuatkan murid lebih fokus kepada pengajaran sewaktu proses PdPc dan mampu meningkatkan ingatan murid terhadap pelajaran yang disampaikan (Mohd Faez Ilias, Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016).

Namun demikian, terdapat beberapa kemahiran mengajar yang perlu ditingkatkan oleh guru-guru SRA JAIS iaitu kemahiran guru menulis RPH berpandukan IHES. RPH merupakan nadi kepada pelaksanaan pengajaran. Penyediaan RPH yang rapi dan tersusun dapat membantu murid menerima dan memahami isi pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Antara kelemahan guru dalam penulisan RPH adalah tahap kompetensi guru yang tidak merasakan tentang kepentingan menulis RPH dan memberi pelbagai alasan khususnya penulisan RPH dalam bahasa Arab (Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi Abdul Razak, & Husaina Banu Kenayathulla, 2015). Kajian ini menyokong pandangan Kamarulnizam Sani & Zetty Nurzuliana Rashed (2018) yang mengesyorkan supaya BPI JAIS dapat meningkatkan lagi kualiti RPH dengan menyusun atur penggunaan RPH dan Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) dalam kalangan guru.

Kemahiran guru SRA JAIS dalam menggunakan soalan aras tinggi untuk melatih murid berfikir berada pada tahap sederhana tinggi. Menurut kajian Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2010) guru kerap menggunakan kaedah syarahan atau kuliah ketika dalam proses PdPc kerana kosnya yang murah dan mudah digunakan tanpa memerlukan persediaan yang lama. Guru-guru jarang menggunakan soalan aras tinggi walaupun aktiviti tersebut dapat meningkatkan keupayaan berfikir murid hingga ke tahap yang lebih tinggi. Pada masa yang sama Southeast Asian Teachers Competencies for the 21st Century telah menyenaraikan kompetensi guru dalam pendidikan abad ke-21 adalah merangkumi elemen KBAT (Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali, 2019). Pandangan yang sama juga menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) bahawa penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) sahaja tidak mencukupi bagi murid yang akan meninggalkan alam persekolahan. Tumpuan bukan hanya kepada kepentingan memperoleh ilmu pengetahuan, tetapi juga membangunkan elemen KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Kemampuan guru-guru SRA JAIS dalam menggabungkan beberapa kaedah dalam satu set pembelajaran masih di tahap sederhana tinggi. Dalam proses PdPc, guru-guru boleh memilih berbagai-bagai jenis kaedah dan pendekatan yang sesuai kerana tiada satu kaedah yang dikatakan terbaik atau lebih sesuai untuk sesuatu mata pelajaran. Setiap kaedah mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri, maka guru harus bijak memilih kaedah terbaik (Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh, 2013). Menurut Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor (2015) mendapati guru-guru pendidikan Islam dapat melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar semasa pengajaran mereka tetapi tahapnya masih perlu diperbaiki lagi. Kaedah yang digunakan masih banyak berpusatkan guru walaupun terdapat usaha yang dijalankan untuk melaksanakan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Guru-guru SRA JAIS masih kurang berkeupayaan membina bahan pengajaran mengikut kesesuaian isi pelajaran dan kaedah yang dipilih. Kajian mendapati guru-guru Pendidikan Islam masih ada yang mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang disifatkan sebagai pengajaran berpusatkan guru semata-mata seperti syarahan, hafalan dan soal-jawab guru serta tidak memanfaatkan penggunaan BBM dalam PdPc mereka. Ciri-ciri asas penggunaan BBM adalah untuk menjelaskan idea yang kabur dan sukar difahami, saiznya yang tepat dan jelas, warna yang menarik, tahan lama, paling memberi kesan dan murah. Justeru itu, ianya merupakan antara faktor yang mempengaruhi penggunaan BBM dalam PdPc dalam kalangan guru (Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2011).

Akhirnya, kajian mendapati guru-guru SRA JAIS masih kurang berkemahiran menulis refleksi pengajaran dan pembelajaran di akhir sesi PdPc. Menurut Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri, & Rohizan Ya (2012) seseorang guru perlu membuat refleksi sendiri ke atas pengajarannya terhadap murid kerana amalan refleksi sendiri ini membolehkan seseorang guru menilai keberkesanan dirinya sebagai seorang guru. Kajian mengenai guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) mendapati terdapat masalah menyediakan latihan perguruan kepada guru-guru supaya mempunyai kemahiran pengajaran yang moden. Kajian ini turut disokong oleh Affezah Ali et al. (2017) bahawa guru-guru SRA JAIS memerlukan latihan guru dalam bidang pengetahuan profesionalisme keguruan.

### 6.1 Perbezaan Kemahiran Mengajar Guru-Guru SRA JAIS Berdasarkan Faktor Demografi

Berdasarkan analisis kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan mengenai tahap kemahiran mengajar guru-guru SRA JAIS berdasarkan aras pendidikan. Hal ini membuktikan bahawa tahap kemahiran guru-guru SRA JAIS adalah berbeza-beza mengikut taraf pendidikan yang dimiliki. Guru-guru yang mempunyai taraf pendidikan peringkat sijil/diploma dan sarjana muda dan ke atas menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap guru-guru yang mempunyai taraf pendidikan peringkat STPM/STAM/Rabi' Thanawi. Dapatan ini adalah berbeza dengan kajian Azizi Yahaya, Rosnani Mohd Nor, & Sharifuddin Ismail (2010) yang menyatakan taraf pendidikan tidak memberi kesan apa-apa terhadap pengajaran dan pencapaian hasil pelajar dalam kalangan guru-guru yang terlatih.

Namun demikian, latar belakang guru-guru SRA JAIS kebanyakannya adalah guru-guru yang tidak terlatih khususnya peringkat STPM/STAM/Rabi' Thanawi dan ke bawah (Nor Raudhah Siren, Azrin Ab. Majid, & Siti Jamiaah Abdul Halim, 2013). Manakala guru-guru SRA JAIS yang mempunyai taraf pendidikan peringkat sijil/diploma dan ke atas sebahagiannya telah memiliki ikhtisas dalam bidang pendidikan (Mohd Faez Illias et al., 2017). Oleh yang demikian, tahap kemahiran guru-guru yang mempunyai sijil/diploma dan ke atas adalah lebih tinggi berbanding guru-guru yang mempunyai STPM/STAM/Rabi' Thanawi. Selain itu, mungkin terdapat faktor lain yang turut menyumbang kepada tahap kemahiran mengajar seseorang guru tersebut antaranya seperti pengalaman mengajar dan lain-lain (Mohd Izham Mohd Hamzah & Mazlan Sirat, 2018).

## 7.0 IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhannya dapatan kajian telah mencapai sebahagian matlamat program latihan guru berasaskan IHES bagi melahirkan guru-guru yang mahir dari aspek kemahiran mengajar. Namun terdapat beberapa aspek kemahiran guru yang perlu ditingkatkan iaitu berkaitan aspek perancangan guru dari sudut pembinaan RPH dan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan isi pelajaran. Kemahiran guru yang perlu ditingkatkan lagi adalah dari aspek pelaksanaan pengajaran yang melibatkan pemilihan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dalam pengajaran dan aplikasi KBAT dalam PdPc. Guru-guru SRA JAIS juga perlu dibimbing untuk membina refleksi pengajaran mengikut kaedah yang betul dan memberi nilai tambah kepada pembangunan profesion perguruan. Dalam hal ini, pihak BPI JAIS boleh merancang bentuk pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru seperti melaksanakan kursus-kursus atau bengkel-bengkel secara jangka pendek dan jangka panjang kepada guru-guru berkaitan elemen pedagogi mengikut bidang. Selain itu, modul pelaksanaan pengajaran guru berasaskan IHES harus dibekalkan kepada semua guru khususnya guru-guru di JAIS bagi memudahkan mereka merangka aktiviti PdPc yang berkesan (Mohd Faez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman, 2018).

Dapatan kajian menunjukkan guru-guru yang mempunyai taraf pendidikan sijil/diploma ke atas adalah lebih tinggi penguasaan kemahiran mengajar menggunakan IHES berbanding guru-guru peringkat STPM/STAM/Rabi' Thanawi dan ke bawah. Isu guru-guru yang tidak terlatih di SRA dan keperluan latihan guru bukanlah suatu yang asing. Pandangan ini pernah diutarakan oleh Nor Raudhah Siren et al. (2013) tentang kekangan-kekangan untuk memberi latihan guru kepada guru-guru seperti kekurangan dana kewangan, guru sering bertukar ganti, sikap dan lain-lain. Namun demikian, bagaimanakah caranya untuk sama-sama membantu menjaya program pendidikan yang direncanakan. Program pendidikan menjurus kepada pembangunan insan yang seimbang berasaskan falsafah dan matlamat pendidikan Islam JAIS secara holistik. Pengkaji mencadangkan supaya BPI JAIS boleh memberikan latihan yang khusus untuk guru-guru yang tidak terlatih secara berkala. Penambahan jumlah bilangan Jurulatih Utama (JU) yang dilantik mengikut bidang di setiap daerah boleh membantu meningkatkan kemahiran mengajar guru. JU ini akan bertindak sebagai mentor kepada guru-guru yang baharu dan tidak terlatih melalui sistem "*pull up*". Selain itu, pihak BPI JAIS juga hendaklah menyediakan modul Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) kepada guru yang khusus dan terancang mengikut peringkat memandangkan LDP yang diamalkan di JAIS adalah mengikut keperluan tertentu.

## 8.0 KESIMPULAN

Kemahiran mengajar dalam kalangan guru yang dilantik oleh pihak JAIS adalah suatu yang penting kerana guru merupakan penyampai kepada kurikulum yang dibangunkan melalui proses PdPc yang melibatkan

aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Kemahiran mengajar merangkumi penguasaan guru dari aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran. Perancangan dan pelaksanaan pengajaran meliputi pembinaan bahan-bahan pengajaran, penulisan RPH, pemilihan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai, aplikasi kaedah dan teknik, penggunaan ICT dan lain-lain. Penilaian pengajaran perlu dilaksanakan untuk melihat kualiti pengajaran yang dilakukan dan proses penambahbaikan dari semasa ke semasa. Kajian ini mengharapkan program latihan guru dapat diperkasakan dengan mengambilkira model-model LDP yang diamalkan di tempat lain dan modul latihan guru yang lebih efisien.

## 9.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al Thaqafah*, 2(2), 53–63. <https://doi.org/10.7187/GJAT232012.02.02>
- Ab. Halim Tamuri, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, & Nur Hanani Hussin. (2017). Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagaian Budaya : Cabaran dan Harapan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ( KUIS ) Bahagian Pendidikan Islam ., Kertas Kerja Ucapan Utama Seminar Pedagogi Antarabangsa Ke-8 (PEDA8), (September), 1–12.
- Ab. Halim Tamuri, & Siti Muhibah Haji Nor. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 2(3), 28–42. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Affezah Ali, Hamdan Mohd Salleh, Angela Chan Nguk Fong, & Zukhuriatul H Mhd Yusof. (2017). Analisa Keperluan Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Di Selangor. In *National Pre Seminar (Vol. 23*, pp. 116–129).
- Alamgir Khan, Salahuddin Khan, Syed Zia Ul Islam, & Manzoor Khan. (2017). Communication Skills of a Teacher and Its Role in the Development of the Students' Academic Success. *Journal of Education and Practice*, 8(1), 18–21.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri, & Azreen Effendy Mohamad. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1–7.
- Azizi Yahaya, Rosnani Mohd Nor, & Sharifuddin Ismail. (2010). *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Matapelajaran Teknikal*. Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Retrieved from <http://bpg.edidik.edu.my/>
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2013). *Pelan Strategik JAIS 2015-2019*. Selangor.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2019a). *Data Sekolah-sekolah Yang Berdaftar Dengan Jabatan Agama Islam Selangor Tahun 2019*. Selangor.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2019b). *Kategori Guru-Guru SRA JAIS*. Shah Alam, Selangor.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, & Norhayati Fatmi Talib. (2018). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) JAKIM. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 12(1), 150–159.
- Bjorklund-Young, A. V. (2017). Inside the Classroom: Which Teaching Skills Explain Teacher Quality? \*.
- Bluestone, J., Johnson, P., Ruparelia, C., Stender, S., Thomas, U., & Yigsaw, T. (2012). *Effective Teaching Skills: A Blended Learning Approach*. Retrieved from [www.jhpiego.org](http://www.jhpiego.org)
- Chia Lai Lai Abdul Rahim Hamdan. (2013). Faktor Di Luar Kawalan Guru Sekolah Menengah dalam Pengajaran Efektif. In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)* (pp. 64–68).
- Courtney Belsito. (2016). The importance of 'teacher quality' and 'quality teaching' on academic performance. *Journal of Student Engagement: Education Matters*, 6(1), 28.
- Darling-Hammond, L., Flook, L., Cook-Harvey, C., Barron, B., & Osher, D. (2020). Implications for educational practice of the science of learning and development. *Applied Developmental Science*, 24(2), 97–140. <https://doi.org/10.1080/10888691.2018.1537791>
- David Greatbatch Jane Holland. (2016). *Teaching Quality in Higher Education : Literature Review and Qualitative Research May 2016*. Open Government Licence (OGL).
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2012). *Educational Research: Competencies For Analysis and Applications (Edisi ke 1)*. Upper Saddle Ridge, NJ: Pearson Publishing.

- Hasni Mohamed. (2019). *IHES Its Application in Life and Industrial Revolution 4.0*. Selangor.
- Ishak Baba. (2009). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*.
- Johar Bunimin. (2016). *Model Konsep Pembangunan Profesionalisme Tenaga Pengajar Kolej Vokasional Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2010). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Mohd Aderi Che Noh. (2013). *Sejarah, Kaedah serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran*. Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59–74.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, & Mohd Faez Ilias. (2012). *Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam*. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]* (pp. 211–222).
- Kamarulnizam Sani, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). *Penilaian Terhadap Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Di Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor*. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 1–6.
- Karwadi. (2009). *Tujuan pendidikan islam dalam pemikiran hasan langgulung*. *Journal PAI*, 4(2), 137–158.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2019). *Pendidikan Untuk Semua, Tanggungjawab Semua*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia (Vol. 1). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin Othman. (2009). *Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3–14.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Loeb, S., Dynarski, S., Mcfarland, D., Morris, P., Reardon, S., & Reber, S. (2017). *Descriptive analysis in education: A guide for researchers* The National Center for Education Evaluation and Regional Assistance (NCEE) conducts unbiased large-scale evaluations of education programs and practices. Washington.
- Lokman Mohd Tahir, & Kalsom Saleh. (2011). *Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru-Guru Sekolah Rendah*. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1–9.
- Maphoso, L. S. T., & Mahlo, D. (2015). *Teacher Qualifications and Pupil Academic Achievement*. *Journal of Social Sciences*, 42(1–2), 51–58. <https://doi.org/10.1080/09718923.2015.11893393>
- Mohammad Amir Danuri. (2017). *Kertas Dasar Dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor*. Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi Abdul Razak, & Husaina Banu Kenayathulla. (2015). *Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Universiti Malaya.
- Mohd Azmi Mat Yusoff. (2016). *Penilaian Program Latihan Dalam Perkhidmatan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faez Ilias, Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan GPI Sekolah Bestari*. In *International Seminar on Tarbiyah (ISO'T2016)* (Vol. 5, pp. 106–114).
- Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. (2017). *Penilaian Terhadap Perlaksanaan Sistem Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama JAIS*. In *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)* (pp. 1–93). Selangor.
- Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. (2018). *Penilaian Terhadap Pelaksanaan Program Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor*. Research Management Centre (RMC) KUIS.
- Mohd Hamzah, M. I., & Sirat, M. (2018). *Tahap Pelaksanaan Latihan dalam Perkhidmatan dan Hubungannya dengan Pengalaman Mengajar serta Keckerapan Menghadiri Latihan Guru Sekolah*

- Rendah Berprestasi Tinggi di Putrajaya (The Level of Implementation of In-Service Training and Its Relationship with Te. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(01), 17–23. <https://doi.org/10.17576/jpen-2018-43.01-03>
- Mohd Isa Hamzah, Nursafra Mohd Zhaffar, & Khadijah Abdul Razak. (2018). Barriers in Teaching Critical Thinking in Islamic Education. *Creative Education*, 09(14), 2350–2356. <https://doi.org/10.4236/ce.2018.914175>
- Mohd Izham Mohd Hamzah, & Mazlan Sirat. (2018). Tahap Pelaksanaan Latihan dalam Perkhidmatan dan Hubungannya dengan Pengalaman Mengajar serta Kekekapan Menghadiri Latihan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi di Putrajaya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 17–23. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.01-03>
- Mohd Kamal Radiman. (2012). Tahap Kefahaman dan Amalan Guru Terhadap Pendidikan Integrasi Di Sekolah Rendah Agama Integrasi. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri, & Rohizan Ya. (2012). Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]* (pp. 289–303). Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on.
- Nazirah Hamdan, & Kamarul Azmi Jasmi. (2014). Aplikasi Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Johor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 6(1), 10–20.
- Nazirah Hamdan, & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Sifat Keperibadian Guru Pendidikan Islam (GPI) Terhadap Rakan Setugas Dan Pihak Atasan Di Sekolah: Satu Kajian Kes. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* (EISSN: 2289-8204), 3(2), 85–91. <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n2.72>
- Nor Raudhah Siren, Azrin Ab. Majid, & Siti Jamiiah Abdul Halim. (2013). Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia. *Prosiding International Seminar On Islamic Malay World*, Bandung., 206–221. Retrieved from [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001227\\_98528.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001227_98528.pdf)
- Norazlin Mohd Rusdin, & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. In *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 87–105).
- Nuri Ramadhan. (2017). Tugas, Peran Kompetensi Dan Tanggungjawab Menjadi Guru Profesional. In *Seminar Nasional Tahunan Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Medan* (pp. 369–373).
- Ramlan Mustapha. (2017). Rekabentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rani, B. (2011). Classification of the Teaching Skills based on Q-Methodology using the Perceptions of Sec. School Teachers. *International Journal of Educational Planning & Administration* (Vol. 1).
- Ros Eliana Ahmad Zuki Norhanan M. Fadzllillah. (2017). Faktor Minat Guru Pelatih dalam Bidang Perguruan Pendidikan Teknik dan Vokasional (Trainee Teachers' Interest Factor in Technical and Vocational Education Teaching Field). *Jurnal Personalia Pelajar*, 20(2), 29–36.
- Saedah Siraj, & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. In *Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA* (pp. 1–44).
- Siti Nur Aisya Sugumarie Abdullah, & Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2016). Kepelbagaian Jenis Latihan Dalam Perkhidmatan dan Peningkatan Profesionalisme Guru Berdasarkan Kelayakan Akademik. In *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Universiti Awam* (pp. 1–5). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sugihartini, N., Sindu, G. P., Dewi, K. S., Zakariah, M., & Sudira, P. (2020). Improving Teaching Ability with Eight Teaching Skills. In *3rd International Conference on Innovative Research Across Disciplines* (pp. 306–310). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200115.050>
- Suppiah Nachiappan, Zaharah Osman, Nurulhuda Md Hassan, Norly Jamil, Hashimah Hussien, Mastura Othman, & Sandra Suffian. (2017). The Implications of using Teaching Aids in the Teaching of the Science and Technology Component in Malaysian Preschools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(11), 448–461. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i11/3485>
- Williams, M. K. (2017). John Dewey in the 21 st Century. *Journal of Inquiry & Action in Education*, 9(1), 2017.